

FATWA TENTANG KANDUNGAN BUKU "PERSAUDARAAN ILMU DALAM AL-MAUNAH MALAYSIA SENI BELA DIRI WARISAN ISLAM (SUMBER KEKUATAN BATIN)" KARANGAN SYEIKH MUHAMAD AMIN BIN MOHD RAZALI

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen 34(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1992 [En. 2/92], dan dibaca bersama subseksyen 34(2), Sahibus Samahah Mufti Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan setelah berbincang dengan Jawatankuasa Syariah "Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan" pada 9 Syaaban 1421 bersamaan 6 November 2000 dan atas titah perintah Duli Yang Mulia Sultan mengisytiharkan Fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

- (1) Kandungan buku bertajuk "Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Maunah Malaysia Seni Bela Diri Warisan Islam (sumber kekuatan batin)" karangan Syeikh Muhamad Amin Bin Mohd Razali didapati mengandungi perkara-perkara yang meragukan dan menyalahi ajaran Agama Islam yang sebenar. Oleh yang demikian umat Islam dilarang mengamalkan ajaran itu dan buku itu wajib diharamkan dan pengamalannya wajib bertaubat.
- (2) Bagi orang-orang Islam yang telah membaca, menyebarkan dan mengamalkan ajaran itu di mana-mana jua berada hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Dibuat pada 2 Julai 2001.

[M.N. Pk. A351/14/5; PU. PK. 07/2001.]

DENGAN TITAH PERINTAH DULI
YANG MAHA MULIA SULTAN

DATO' SERI HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA
Mufti Negeri Perak